

Malaysia mahu kejar kemajuan

B.H. 15 AUG 1992

Oleh Aminuddin Ibrahim dan Ahmad Zaini Kamaruzzaman

CHANGLOON (Kedah), Jumaat — Malaysia tidak berhasrat menjadi kuasa besar seperti Amerika Syarikat, sebaliknya memadai menjadi negara maju dalam pelbagai bidang dan dihormati.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun kecil, Malaysia bercita-cita menjadi negara kuat dan memiliki teknologi tinggi, kaya, mempunyai intelek serta rakyat bermoral tinggi.

Sehubungan itu, beliau menafikan dakwaan kononnya beliau berhasrat menjadikan negara ini kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

"Kita mahu menjadi seperti Belanda yang walaupun kecil dengan penduduk sedikit, tetapi mampu memiliki pelbagai teknologi tinggi, termasuk mengeluarkan kapal terbang dan senjata," katanya di majlis perjumpaan dengan penduduk Rancangan Felda Bukit Tanga, di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff. Sebelum itu, Perdana Menteri menunaikan solat Jumaat di Masjid al-Aqila, Jitra.

Menurut Perdana Menteri, bagi mencapai hasrat itu, beliau menganjurkan Wawasan 2020 bagi me-

mastikan matlamat menjadikan Malaysia negara maju tercapai.

Beliau berkata, dakwaan kononnya Malaysia berhasrat menjadi kuasa besar seperti Amerika Syarikat ditimbulkan oleh akhbar yang dipengaruhi Pas, berikutan kenyataannya di Terengganu, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak rela dihina dan meminta sedekah daripada negara maju, termasuk Eropah dan Amerika Syarikat seperti yang dialami sesetengah negara.

"Kita mahu muncul sebagai negara maju, kaya, cekap, mempunyai kekuatan ketenteraan dan dihormati.

"Apabila mencapai tahap itu, orang tidak akan menghina kita," katanya.

Beliau memberi contoh mengenai kejadian di Bosnia-Herzegovina yang menurutnya berpunca daripada kemiskinan dan kedaifan.

"Negara itu ditekan dan rakyatnya dibunuh serta dicincang. Malaysia tidak boleh membantu kerana kita lemah.

"Kita juga tidak mampu menyuruh pihak yang menindas berhenti daripada tindakan itu.

"Bagaimanapun, jika negara dan rakyatnya

maju, kukuh, kuat serta mampu mempertahankan negara, mereka mungkin mematuhi.

"Kita juga mungkin berupaya membantu negara bermasalah seperti Bosnia-Herzegovina dan Palestin," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, tidak ada salah Malaysia bercita-cita besar kerana ia akan menjadikan negara ini dihormati, manakala rakyatnya kaya dan bermoral tinggi.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia akan memastikan negara ini tidak akan melupai daratan seperti yang dilakukan Amerika Syarikat.

Menurutnya, sekarang banyak negara maju lupa daratan, rakyatnya bermoral rendah menyebabkan kehancuran rumah tangga, anak tidak menghormati ibu bapa sehingga menular penyakit Aids.

Beliau yakin, Aids adalah pembalasan Tuhan terhadap manusia yang berkelakuan tidak senonoh dan kehilangan moral.

Sementara itu, Perdana Menteri mengambil kesempatan melihat sekitar pembangunan Empangan Pedu di Kuala Nerang menerusi udara, kira-kira setengah jam.